



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

SKUAD WAJA BANTU CEGAH KEGANASAN TERHADAP WANITA

Sarawak, 29 September – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Program Semarak Skuad Waja 2023 Negeri Sarawak anjuran Jabatan Pembangunan Wanita. Skuad waja berperanan sebagai agen perubahan serta mata telinga dalam masyarakat terutamanya bagi membantu golongan yang sering menjadi mangsa keganasan. Skuad Waja ditubuhkan bertujuan untuk memperkasa komuniti melalui bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah. Skuad waja juga merupakan tempat rujukan masyarakat terutama dalam menangani keganasan terhadap wanita. Mereka akan membantu mangsa untuk merujuk kes kepada pihak yang berwajib dan mendapatkan pertolongan profesional.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes keganasan rumah tangga bagi seluruh negara telah mencatatkan sebanyak 22,908 kes sejak tahun 2020 sehingga Ogos 2023. Terdapat peningkatan kes yang tinggi pada tahun 2021 iaitu sebanyak 7,468 kes berbanding pada tahun 2020 yang mencatatkan sebanyak 5,260 kes. Manakala bagi tahun 2022, jumlah kes keganasan rumah tangga masih lagi tinggi walaupun menunjukkan sedikit penurunan kepada 6,540 kes. Bagi tahun ini pula, sehingga Ogos 2023, sebanyak 3,640 kes telah dicatatkan. Negeri Sarawak pula merupakan negeri ketiga tertinggi selepas Selangor dan Kedah dalam jumlah kes keganasan rumah tangga dari tahun 2020 sehingga Ogos 2023 iaitu dengan 2,192 kes.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri menegaskan bahawa pelancaran Program Semarak Skuad Waja ini membuktikan bahawa usahasama kerajaan dengan komuniti dalam menangani isu keganasan terhadap wanita adalah menjadi tanggungjawab bersama dan perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat. Justeru, semua inisiatif dan program

yang dilaksanakan oleh KPWKM melalui program Skwad Waja ini patut digiatkan lagi dan disebarluaskan untuk membantu mangsa keganasan terutamanya wanita dan kanak-kanak.

Sejak dari penubuhan Skwad Waja pada tahun 2021 sehinggalah Disember 2022, terdapat seramai 328,558 orang ahli Skwad Waja, dengan seramai 253,973 orang wanita (77.3%) dan 74,585 orang lelaki (22.7%). Bagi negeri Sarawak sahaja, terdapat seramai 2,838 orang ahli Skwad Waja yang melibatkan seramai 2,735 wanita dan 103 lelaki. Melalui keahlian yang ramai ini, ahli-ahli Skwad Waja telah turun padang bagi menyantuni masyarakat dan komuniti. Sebanyak 1,012 program psikososial Skwad Waja telah dijalankan dalam komuniti di seluruh negara yang melibatkan seramai 72,942 orang yang telah berjaya disantuni.

Sukarelawan Skwad Waja telah diberi latihan bagi meningkatkan kemahiran asas embimbing melalui kemahiran empati, atensi, respon dan sokongan (E.A.R.S.). Pendedahan dan pengetahuan berkaitan diskriminasi gender dan jenayah keganasan terhadap wanita, seperti gangguan seksual, keganasan rumah tangga, jenayah siber, pemerdagangan orang, keldai dadah, rogol dan cabul turut diberi penekanan. Sukarelawan Skwad Waja juga diberi latihan lanjutan dengan menggunakan Modul 2.0 iaitu Bantuan Awal Psikologi (PFA) dan Psikospiritual.

Jabatan Pembangunan Wanita juga menyediakan Program MATAHARI atau Program Meningkatkan Daya Tahan Dan Psikologi Wanita. Selain itu, program ini turut akan memberikan pemahaman terhadap perihal penganiayaan terhadap wanita dari segi perundangan melalui modul Program IRIS atau Program Literasi Perundangan.

Turut hadir dalam program ini ialah YBhg. Datin Izzatul Shima binti Md Thahir, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**